



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 27 FEBRUARI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	SABAH FISHERIES ISSUES RED TIDE WARNING, NATION, THE STAR -15 FISH STILL SAFE FOR CONSUMPTION DESPITE RED TIDE - JUNZ, HOME, BORNEO POST (KK) -2	JABATAN PERIKANAN (DOF)
3.	GUNA DRON URUS BENDANG, BISNES SINAR, SH -32	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
4. 5.	'ONLINE SALE OF VETERINARY DRUGS WORRYING', NEWS, THE SUN -5 CURE-ALL FOR PETS SOLD ONLINE, NATION, THE STAR -15	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
6.	20 GULUNGAN HERAMI DIBAKAR, LOKAL, HM -16	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
7.	LABUR RM1 JUTA DEMI MADU, BISNES SINAR, SH 34	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Sabah Fisheries issues red tide warning

KOTA KINABALU: Sabah Fisheries Department has issued a red tide (*Gonyaulax polygramma*) warning in Kota Kinabalu waters.

State Agriculture and Food Industry Minister Datuk Junz Wong said operators of fish cage farming should move their fish from the cages in the open sea to tanks.

The presence of *Gonyaulax polygramma* species cell had reached dangerous levels, according to the department.

While it does not affect people who consume contaminated fish, the species could result in fish deaths for fish cage farmers.

"Samples have been taken from the waters around Pulau Gaya.

"This species only affects fish in cage cultures particularly. So we wish to remind fish cage farmers to take necessary precautionary measures to avoid and reduce losses," he said in a statement.

Wong said fish in the cages could die due to lack of oxygen in the water.

He said besides moving their fish, operators should also filter the sea water used in the fish tanks.

"All fish, molluscs, prawns, crabs and squids are safe to eat provided that the gills and the inside are cleared, and washed properly with clean water.

"It doesn't affect human health," Wong said.

Headline	Fish still safe for consumption despite red tide - Junz		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	27 Feb 2020	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	2	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	73 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 204
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 611



Fish still safe for consumption despite red tide – Junz

KOTA KINABALU: The fish from the district's waters are still safe for consumption despite the ongoing red tide phenomenon in the area, said State Agriculture and Food Industry Minister Datuk Junz Wong.

He disclosed that the State Fisheries Department had issued a warning on a red tide phenomenon after detecting the algal bloom in the Kota Kinabalu waters.

"The red tide has reached a dangerous level but it would not be harmful to consumers to consume all fish," said Junz in a statement.

"All kinds of fish, shellfish, prawns, crabs and squid

are safe to eat by clearing their stomachs and gills," he added.

However, Junz pointed out that the phenomenon could be detrimental to fish that were kept in cages as their gills could be clogged, causing them to eventually die.

"It is advisable to move your fish from cages to ponds or tanks.

"The sea water must also be filtered before putting it into the fish pond or tank," he explained.

It is understood that the red tide kills fish due to the lack of oxygen in the water.

INOVASI

Guna dron urus bendang

EasyFly Autonomous Solution bantu ringankan beban kerja pesawah di Kedah

oleh NOOR AZURA SAHRIL

Penggunaan teknologi moden dalam sektor pertanian berupaya meningkatkan hasil pengeluaran petani.

Malah, penggunaannya juga dapat membantu menjimatkan tenaga buruh, kos serta masa terutamanya kepada golongan pesawah.

Kini, ramai dalam kalangan pesawah beralih kepada penggunaan teknologi pertanian baharu termasuk menggunakan dron bagi melancarkan kerja sawah.

Menyedari akan hal itu, sebuah syarikat yang dimiliki oleh anak muda tempatan, EasyFly Autonomous Solution yang beroperasi di Alor Setar, Kedah menawarkan perkhidmatan dron untuk menabur baja dan menyembur racun di sawah.

Sejak beroperasi hampir setahun lalu, syarikat dengan modal keseluruhan RM300,000 itu kini mempunyai 19 buah dron berharga

RM19,000 hingga RM40,000 seunit.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mior Qayyum Izzudin Mior Khairi berkata, syarikatnya yang ditubuhkan pada Jun 2019 menawarkan kerja membaja dan menyembur racun menggunakan teknologi dron.

Katanya, penggunaan dron boleh mengurangkan keberangtungan kepada tenaga buruh dan mengurangkan kos operasi.

"Melalui kaedah moden ini kerja membaja dan menyembur racun yang mengambil masa hampir sebulan menggunakan tenaga manusia dapat dikurangkan hampir 50 peratus," katanya kepada *Bisnes Sinar*.

Beliau yang mempunyai lesen mengendalikan dron dari Australia berkata, proses penyemburan racun menggunakan dron melalui teknik



Salah satu dron milik EasyFly Autonomous Solution sedang menjalankan kerja-kerja penyemburan di salah satu bendang milik pelanggannya.



Antara dron yang digunakan untuk proses menyembur baja.

matkan masa dan tenaga. "Setiap relung atau 0.35 hektar sawah hanya mengambil masa kira-kira 10 minit untuk disembur dengan racun," katanya.

Qayyum berkata harga yang dikenakan oleh syarikatnya bagi mengendalikan perkhidmatan dron ditawarkan adalah berpatutan iaitu RM20 bagi 0.35 hektar.

"Setiap kali proses membaja atau meracun, terdapat dua kakitangan yang bertindak sebagai *pilot* dan *co-pilot*. Mereka ini akan bekerja sebagai satu pasukan untuk menyempurnakan tugas penyemburan yang diterima," katanya.

Schingga kini, beliau berkata, terdapat 50 pesawah telah menjadi pelanggan syarikat mereka.

"Jika ada permintaan untuk membaja dan meracun di luar kawasan Kedah kita akan pertimbangkan," katanya yang dibantu sembilan kakitangan muda yang mahir menerbangkan dron.

Selain menyediakan perkhidmatan menyembur racun dan menabur baja, EasyFly Autonomous Solution juga menawarkan kursus pengendalian dan perkhidmatan baik pulih kepada orang ramai.

"Banyak pusat latihan pendidikan yang berminat dengan kursus ini memandangkan teknologi ini besar manfaatnya bukan sahaja dalam sektor pertanian malah sektor lain juga boleh menggunakannya," katanya.

Meskipun masih baharu dalam bidang diterajunya itu, beliau optimis penggunaan dron dalam teknologi pertanian secara tidak langsung menarik golongan muda untuk sama-sama menceburi bidang pertanian.

Ultra Low Volume (ULV) iaitu penyemburan halus secara kabus memudahkan penyerapan cairan ke dalam tanaman.

"Ketika proses semburan dilakukan, tekanan kipas dron akan menghasilkan aliran angin ke bawah dan membuka pokok padi supaya racun sampai ke pangkal tumbuhan," katanya.

Semburan tepat, sekata

Menurut pemuda berusia 23 tahun itu, penggunaan dron juga memudahkan kerja-kerja penyemburan sawah kerana ia dilengkapi sistem pengesanan global (GPS).

"Dron digunakan berupaya mengesan koordinat lokasi penyemburan secara tepat dan sekata berbanding semburan menggunakan tenaga manusia.

"Jika baterinya lemah, dron akan dibawa semula kepada pengendali. Selepas digantikan, ia akan kembali ke lokasi terakhir penyemburan untuk memulakan kembali kerja yang tertangguh," katanya.

Qayyum berkata, semburan racun dan baja oleh tenaga manusia tidak rata, menyebabkan tidak semua kawasan diliputi racun mahupun baja.

"Dengan penggunaan dron masalah itu tidak timbul malah menjin-



Kakitangan EasyFly Autonomous Solution bersama Qayyum (kanan) sedang memperalakan dron untuk digunakan dalam kerja-kerja membaja sawah.

'Online sale of veterinary drugs worrying'

► 'Magic All In One' antibiotic is not a cure-all, veterinarian warns pet owners

SHAH ALAM: People should exercise caution when purchasing medicine for their pets online, particularly controlled veterinary drugs such as antibiotics and anti-mange medication in the form of tablets and injections.

Dr. Salehatul Khuzaimah Mohamad Ali, who runs two veterinary clinics, expressed concern over the existence of online retailers that peddle medicines on the net.

She highlighted a drug called "Magic All In One" that is touted as a cure-all for ailments affecting pets.

It is widely available online and according to the retailers' advertising spiel, one tablet is all a pet needs to be cured of flu, diarrhoea and a host of other illnesses.

A private sector employee, who only wanted

to be known as Amri, bought it for his six-month-old cat which had been unwell for several days.

After the feline was given the "magic" pill, its condition worsened and it developed convulsions.

The cat later died after its organs failed.

Salehatul told Bernama she has handled many cases during her 11-year practice where pet owners like Amri tried to treat their sick pets with veterinary drugs purchased online before their condition worsened.

"It's shocking when they tell me they bought the medications via the internet.

"I had a case of a cat that went blind after its owner administered an eye drop that was purchased online."

Salehatul said it is not the competition that veterinary doctors are worried about but the fate of the animals.

She said in the field of veterinary medicine, there is no such thing as a single drug that can cure all diseases.

The treatment regime for sick animals varies from disease to disease.

The animal must first be examined by a veterinary doctor before medication is prescribed.

"Overdosage can damage the liver and kidneys as most medicines are processed by these organs," Salehatul said.

The veterinarian added that "Magic All In One" is actually a strong antibiotic that can only be administered in special cases and by a doctor.

"Since not all diseases are caused by bacteria, antibiotics should not be used for just about any ailment.

"Some (diseases) are caused by viruses and fungi.

"Some are caused by allergies.

"For instance, if your cat's flu is due to an allergy, it doesn't need antibiotics," the veterinarian said.

Salehatul urged the authorities to monitor the Web and take stern action against those retailing veterinary medications as misusing drugs to the point of causing harm to pets is an offence under the Animal Welfare Act 2015 that was enforced in July 2017.

Cure-all for pets sold online

Vet cautions against harmful misuse of veterinary medicine

SHAH ALAM: Heard of a drug touted as a cure-all for pet ailments? According to advertisements, one tablet is all your sick pet needs to be cured of flu, diarrhoea and other illnesses.

Not long ago, the product - priced at RM50 a pack and supported by good reviews - attracted the attention of a private-sector employee, who only wanted to be known as Amri, who bought it for his six-month-old cat Brownie who had been unwell for several days.

Unfortunately, after being given the 'magic' pill, Brownie developed convulsions. Amri rushed the cat to the nearest veterinary clinic, where the doctor tried to stabilise it by administering fluids via an intravenous drip. But the cat could not be saved as its organs had failed.

According to veterinarian Dr Salehatul Khuzaimah Mohamad Ali, in her 11-year practice, she has handled many cases where pet owners like Amri tried to treat their sick pets with drugs bought online before their condition worsened.

"It's shocking when they tell me they bought medication via the Internet. By the time pets are brought in to the clinic, they are in a critical condition and there's not much we can do to save them.

"I had a case of a cat going blind after its owner administered eye drops purchased online," she said. Dr Salehatul, who runs a clinic in

Kota Kemuning and another in Bandar Sri Damansara, is concerned over online retailers that peddle controlled veterinary drugs such as antibiotics and anti-mange medication as tablets and injections.

"It's not competition we veterinary doctors are worried about but the fate of the animals.

"One's pet cat might only have a normal fever but its condition may worsen if given medicine bought online because the drug may have passed its expiry date or may be fake or may have been administered in excessive doses," she said.

In the field of veterinary medicine, there was no such thing as a single drug that could cure all diseases, she added.

The treatment regime for sick animals varies from disease to disease. The animal must be examined by a veterinary doctor who would enquire after its medical history, age, weight and other details before prescribing any medication.

"Overdosage can damage the liver and kidneys as most medicines are processed by these organs," she said, adding that 'Magic All In One' was actually a strong antibiotic that can only be administered in special cases.

As in the case of humans, antibiotics for animals should be prescribed by a doctor.

"Not all diseases are caused by



Public concern: Dr Salehatul urges pet owners to pay more attention to the health and safety of their animals.

bacteria, so antibiotics shouldn't be used for just about any ailment.

"Some (diseases) are caused by viruses and fungi. Some are caused by allergies. If your cat's flu is due to an allergy, it doesn't need antibiotics," she said.

Besides antibiotics, other drugs easily available via social media or online stores include drugs to get rid of ticks and mange and eye drops, which should be prescribed by a veterinary doctor or pharmacist, she added.

Urging the authorities to monitor the web and take stern action against errant sellers, she said mis-

using drugs to the point of causing harm to one's pet is an offence under the Animal Welfare Act that was enforced in July 2017.

Veterinary Association of Malaysia president Datuk Dr Norhizan Mohd Noor said based on a survey by the association, none of its members was involved in selling veterinary drugs on the Internet.

He appealed to the public to lodge a report with the National Pharmaceutical Regulatory Agency (in the Ministry of Health) if they come across unqualified persons retailing veterinary drugs. -- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/2/2020	HARIAN METRO	LOKAL	16

ANGGOTA bomba cuba memadamkan kebakaran ke atas 20 gulungan jerami yang dibakar oleh lelaki.



20 gulungan jerami dibakar

Kangar: Seorang lelaki bertindak membakar 20 jerami gulung milik Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) untuk pertandingan sempena Pesta Angin Timur 2020 di Seriab di sini, semalam.

Kejadian berlaku jam 12.40 tengah hari disedari seorang pegawai yang melakukan tugas pemantauan rutin ke atas longgokan jerami berkenaan.

Jurucakap Mada Perlis

berkata, sebelum kejadian, pihaknya dimaklumkan sekumpulan wanita sempat mengambil gambar bersama longgokan jerami itu.

“Secara tiba-tiba kumpulan wanita itu didatangi lelaki terbabit yang memarahi mereka sebelum dihalau.

“Lelaki terbabit membakar longgokan jerami berkenaan sebaik kumpulan itu beredar ke kereta,” katanya di sini, semalam.

Menurutnya, longgokan

jerami terbabit akan digunakan dalam pertandingan hiasan jerami sempena Pesta Angin Timur 2020 Perlis bermula Sabtu ini.

Katanya, kejadian itu mengakibatkan agensi terbabit kerugian sekitar RM5,000.

Sementara itu, jurucakap bomba berkata, seramai sembilan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kangar dikerahkan ke lokasi sebaik menerima panggilan.

Labur RM1 juta demi madu



Kelulut yang menghasilkan madu berkualiti tinggi di Galeri Madu Big Bee Honey Sdn Bhd.

Minat bawa Nor Ehsan usahakan ternakan kelulut secara komersial

Jaminan pulangan wang 10 kali ganda kepada pelanggan diberikan jika madu kelulut dibeli di galeri madu syarikat Big Bee Honey Sdn Bhd yang terletak di Kampung Jambu Bongkok di Marang, Terengganu adalah tidak asli, kata Pengarah Urusannya, Nor Ehsan Abdul Rahman.

Beliau berani memberi jaminan itu kerana keaslian madu kelulut keluaran syarikatnya adalah hasil tuaian daripada 500 hingga 1,000 koloni kelulut di empat ladang miliknya di sekitar Pantai Timur.

Beliau adalah antara usahawan bumiputera terawal yang menceburi ternakan kelulut secara komersial di Terengganu

sejak 2012 dan galeri mini madu di Jambu Bongkok itu adalah yang pertama seumpamanya di Pantai Timur.

Anak jati Kampung Merchang itu berkata, sehingga kini syarikatnya mampu mengeluarkan antara 150 hingga 200 kilogram (kg) madu kelulut dengan nilai lebih RM50,000 setiap musim.

"Kelulut adalah satu perniagaan baharu yang menjadi lubuk emas kepada usahawan tani sejak 10 tahun lalu kerana permintaan pasaran terhadap madunya sangat tinggi dan luas.

"Ramai sudah tahu mengenai khasiatnya terhadap kesihatan, malah penjagaannya yang tidak terlalu cerewet memudahkan sesiapa sahaja menjadi usahawan kelulut, cuma pastikan ada ilmu yang cukup dan strategi pemasaran terbaik untuk bersaing di pasaran," katanya.

Mengimbas semula penglibatannya sebagai usahawan kelulut, Nor Ehsan berkata, mi-



Nor Ehsan memegang madu kelulut asli yang baru dituai dari ladang.

Kelulut adalah satu perniagaan baharu yang menjadi lubuk emas kepada usahawan tani sejak 10 tahun lalu kerana permintaan pasaran terhadap madunya sangat tinggi dan luas. - Nor Ehsan

natnya bermula ketika berusia 15 tahun kerana persekitaran kampungnya yang terkenal dalam kalangan pemburu madu lebah asli di Terengganu.

Hasilkan produk hiliran

"Pernah sekali saya dapat madu seberat 20kg, itu memang kenangan manis selepas menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Ia umpama 'durian runtuh' untuk seorang remaja.

"Sejak itu, saya mula menanam minat mahu menjadi usahawan dalam bidang ini dan mulakan ternakan sejak 2007 secara sambilan. Hasil keuntungan dan duit simpanan itu, saya memberanikan diri berhenti kerja di sebuah bank untuk bergelar usahawan sepenuh masa," katanya yang turut mendapat bimbingan daripada Jabatan Pertanian Malaysia.

Selepas berjaya menempna nama dalam ternakan lebah, Nor Ehsan mula menyedari bahawa ternakan kelulut juga mempunyai potensi besar hasil perkongsian maklumat daripada seorang usahawan bidang itu dari Thailand.

Pada peringkat awal, beliau



Produk madu kelulut asli hasil keluaran syarikat Big Bee Honey Sdn Bhd di Kampung Jambu Bongkok, Marang, Terengganu.

telah membeli dua set log kelulut dari seorang pengusaha berharga RM3,800 bagi mendapatkan kemahiran penternakan kelulut dengan cara yang betul dan produktif selain turut bekerjasama dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Serdang, Selangor.

"Itulah permulaan saya dalam ternakan kelulut dan sejak itu, saya mula mencari ilmu dalam dan luar negara untuk mengembangkan lagi perniagaan ini termasuk menghasilkan produk hiliran seperti sabun berasaskan madu kelulut.

"Kami juga dalam proses mendapatkan sijil halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) daripada Kementerian Kesihatan," katanya yang telah melaburkan hampir RM1 juta untuk membeli mesin pemrosesan madu.

Sebagai perintis terawal usahawan kelulut di Terengganu, Nor Ehsan sangat kreatif dalam mempelbagaikan inovasi madu kelulutnya iaitu meletakkan sarang di ladang berbeza untuk menghasilkan madu pelbagai

versi demi menarik minat pelanggan.

"Hanya di Big Bee Honey ada keluaran madu kelulut pelbagai versi seperti lada hitam, kelapa, akasia, pokok hutan, jambu air, seribu bunga dan dunsun buah yang mempunyai peminat tersendiri kerana keunikan rasanya yang istimewa mengikut musim bunga.

"Namun, madu pelbagai versi ini tidak ada sepanjang masa kerana ia bergantung kepada musim buah-buahan dan 'rezeki' madu liar dari hutan seperti tualang dari Tasik Kenyir," katanya yang dibantu lapan pekerja sepenuh masa.

Harapannya agar lebih ramai usahawan beliau dapat menyertai ternakan kelulut dan agensi kerajaan yang terlibat terus proaktif dalam memperkasakan industri kelulut yang berpotensi menjana sumber ekonomi negara pada masa depan.

Beliau juga berharap galeri mininya akan disenaraikan dalam lokasi pelancongan yang wajib dikunjungi sekiranya datang ke Terengganu kerana ia bakal melonjakkan lagi sektor agropelancongan di negeri itu.

- Bernama



Nor Ehsan (kanan) dibantu pekerjaanya, Mohd Hanafee Mat Jusoh, 26, mengisi madu kelulut yang baru dituai dari ladang.